

Bahagian A

Jawab semua soalan.

1.1

Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan beraja.

X
<ul style="list-style-type: none"> Mentadbir jajahan atau daerah. Membantu mengekalkan kedaulatan negeri.

Siapakah X?

- A Sultan
B Penghulu
C Pembesar
D Ketua kampung

BT ms. 4

- 2 Maklumat berikut merujuk sistem perundangan di negara kita.

Undang-undang
Tidak Bertulis

Apakah undang-undang tersebut?

- A Adat Perpatih
B *Hukum Kanun Melaka*
C *Hukum Kanun Pahang*
D *Hukum Kanun 99 Perak*

BT ms. 5

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan tugas seorang pembesar.

Mengurus pelabuhan

Siapakah pembesar tersebut?

- A Bendahara
B Laksamana
C Syahbandar
D Temenggung

BT ms. 7

- 4 Antara berikut, yang manakah merupakan hasil yang dikenakan cukai sebagai sumber pendapatan pemerintah?

- I Hasil hutan
II Pendidikan
III Penternakan
IV Perlombongan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 7

- 5 Apakah pengajaran yang boleh diperoleh daripada cerita rakyat *Anjing dengan Bayang-bayang*?

- A Rajin bekerja
B Tidak sombong
C Tidak bersikap tamak
D Tidak menderhaka kepada ibu bapa

BT ms. 8

- 6 Maklumat berikut merujuk institusi pendidikan formal masyarakat Melayu.

Madrasah Taufikiah,
Kedah

Apakah ciri pendidikan di institusi tersebut?

- A Mempelajari ilmu hadis
B Dilaksanakan secara kelas
C Diajar oleh imam dan lebai
D Pengajiannya merangkumi cara bacaan dalam solat

BT ms. 9

1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

- 7 Sekitar abad ke-16, kuasa-kuasa Barat mula berminat

untuk mendapatkan barangan mewah. Apakah barangan mewah tersebut?

- I Perak
II Sutera
III Tembikar
IV Batu permata
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 11

- 8 Agama merupakan antara faktor penting penjajahan kuasa Barat ke negara kita. Apakah matlamat penjajahan mereka?

- I Keagungan
II Kemiskinan
III Keagamaan
IV Kemahsyuran
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

BT ms. 11

- 9 Gambar berikut menunjukkan aktiviti di kilang semasa Revolusi Perindustrian.



Apakah negara terawal yang mengalami Revolusi Perindustrian?

- A China
B Britain
C Jerman
D Perancis

BT ms. 12

- 10 Bagaimanakah perkembangan industri mengetin di Amerika Syarikat memberikan kesan terhadap negeri-negeri Melayu?
- A Harga bijih timah semakin menurun
 - B Permintaan terhadap bijih timah meningkat
 - C Menambahkan permintaan untuk getah asli
 - D Taraf hidup rakyat di Tanah Melayu semakin baik

BT ms. 13

- 11 Penciptaan kapal wap pada abad ke-19 penting kerana dapat membawa muatan yang banyak dan menjimatkan kos. Apakah kesan penciptaan kapal wap?
- A Menjadi tumpuan para pedagang
 - B Penghantaran barangan dagangan semakin mudah
 - C Permintaan terhadap pembuatan kapal wap meningkat
 - D Taraf hidup rakyat di Eropah semakin maju dan moden

BT ms. 14

- 12 Apakah yang dimaksudkan dengan slogan "Beban Orang Putih" yang digunakan oleh kuasa Barat?
- A Merasionalkan penjajahan Barat
 - B Peradaban kuasa Barat yang tinggi
 - C Menunjukkan bahawa kuasa Barat tidak mundur
 - D Tanggungjawab membantu peribumi di wilayah yang dijajah

BT ms. 15

1.3 Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

- 13 Perancis mempunyai hasrat yang besar apabila ingin meluaskan kuasanya di Indo-China.

- Apakah hasrat tersebut?
- A Membina terusan
 - B Membuka petempatan baharu
 - C Mengeksploitasi sumber bahan mentah
 - D Membina pelabuhan antarabangsa yang besar

BT ms. 16

- 14 Syarikat dagangan British, iaitu Syarikat Borneo Utara British (SBUB) telah membeli wilayah-wilayah di Sabah. SBUB membeli wilayah-wilayah tersebut dengan siapa?
- I Sultan Sulu
 - II Sultan Brunei
 - III Kesultanan Sulu
 - IV Sultan Terengganu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 16

1.4 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kuasa Barat.

Belanda

- Apakah strategi yang digunakan oleh Belanda dalam masalah perebutan perairan di Selat Melaka?
- A Manipulasi
 - B Serangan fizikal
 - C Perjanjian damai
 - D Pajak tanah wilayah

BT ms. 20

- 16 Pada tahun 1650, Belanda telah mengadakan perjanjian dengan Perak untuk mendapatkan bahan mentah. Apakah bahan mentah tersebut?
- A Emas
 - B Bauksit
 - C Bijih timah
 - D Arang batu

BT ms. 20

- 17 Apakah strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai negara kita?
- I Pujukan
 - II Tawaran hadiah
 - III Serangan fizikal
 - IV Membuat ugutan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 21

- 18 Apakah peristiwa yang dijadikan alasan oleh British untuk campur tangan di Selangor?
- A Mengingkari perjanjian
 - B Kebakaran kapal dagang British
 - C Konflik antara dua orang pembesar
 - D Serangan rumah api di Tanjung Rachado

BT ms. 21

- 19 British mendapatkan Pulau Pinang melalui tipu helah. Siapakah individu yang digunakan oleh British untuk memperoleh negeri tersebut?
- A Harry Ord
 - B Francis Light
 - C James Brooke
 - D Andrew Clarke

BT ms. 21

- 20 Maklumat berikut merujuk pakatan antara kuasa Barat untuk menguasai negara kita.

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap negara kita?

- A Melaka jatuh ke tangan British
- B British menguasai Selat Melaka
- C Belanda berjaya menguasai Johor
- D Permintaan terhadap sumber bahan mentah meningkat

BT ms. 21